

Kastam rampas 57 tan mercun bernilai RM2.46 juta



AHMAD TAUFIK menunjukkan antara mercun yang dirampas pihaknya pada sidang akhbar di Klang semalam.

KLANG – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas sebanyak 57,813 kilogram mercun bernilai RM2.46 juta dalam Ops Barrier dan Ops Petasan baru-baru ini.

Kesemua mercun itu dirampas selepas gagal mematuhi spesifikasi teknikal dalam permit import.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Dr. Ahmad Taufik Sulaiman berkata, rampasan tersebut dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit II (Selangor) bermula 20 hingga 31 Januari bagi Op Barrier sempena Tahun Baharu Cina.

Katanya, bagi sambutan Aidilfitri menerusi Op Petasan yang bermula 3 Mac hingga semalam, pihaknya telah melakukan



Kesemua mercun dirampas hasil pemeriksaan ke atas 32 buah kontena dengan nilai keseluruhannya termasuk cukai RM2.46 juta.”

pemeriksaan terhadap gudang pengimport mercun berdaftar di Selangor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Johor.

“Kesemua mercun dirampas hasil pemeriksaan ke atas 32 buah kontena dengan nilai keseluruhan termasuk cukai

RM2.46 juta,” katanya pada sidang akhbar di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara di sini semalam. Menurut Ahmad Taufek, siasatan mendapati pengimport telah mengikrarkan mercun berkenaan, namun kesemua barangan itu tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak polis.

Justeru itu katanya, mercun tersebut tidak boleh dijual kepada pengguna dan kes ini disiasat mengikut Seksyen 133 (1) (a) Akta Kastam 1967.

“Sabit kesalahan boleh dikenakan sehingga lima tahun atau denda tidak kurang 10 kali ganda nilai barangan atau RM100, 000 mana yang lebih besar atau kedua-duanya sekali,” tegasnya.